



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA**

(Bagi Minggu 10/2017 dari 5 Mac hingga 11 Mac 2017)

Berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia, jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari bulan Januari sehingga 11 Mac 2017 adalah 18,318 berbanding 30,678 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 40.3% (12,360 kes). Pada minggu ke-10 tahun 2017, iaitu dari 5 hingga 11 Mac 2017, sejumlah 1,920 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 35 kes (1.9%) berbanding 1,885 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Kedah, Sarawak, Kelantan dan Perak.

Sepanjang minggu ke-10, terdapat tiga (3) kes kematian dilaporkan menjadikan kumulatif kematian Denggi sehingga 11 Mac 2017 adalah sebanyak 45 kematian, berbanding 75 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 30 kematian (40.0%).

Terdapat sebanyak 689 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif pada minggu ke-10. Selain itu, terdapat 89 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 6 buah negeri iaitu di Selangor (65 lokaliti), Perak (12

lokaliti), WPKL & Putrajaya (5 lokaliti), Negeri Sembilan (3 lokaliti), Johor (3 lokaliti) dan Kelantan (1 lokaliti).

Pada minggu ke-10 tahun 2017 iaitu dari 5 Mac hingga 11 Mac 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima sebanyak 26 kes Chikungunya dilaporkan iaitu 22 kes dari Baling, Kedah dan 4 kes dari Gombak, Selangor menjadikan jumlah kes Chikungunya bermula dari 15 Februari 2017 hingga 11 Mac 2017 adalah sebanyak 77 kes serta kesemua kes telah disahkan melalui ujian pengesahan darah. Terdapat 14 lokaliti yang melaporkan kes Chikungunya sehingga minggu ke-10 iaitu 13 lokaliti di Daerah Baling, Kedah dan satu (1) lokaliti di Gombak, Selangor.

Bagi jangkitan Zika, terdapat sebanyak 84 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 10 Mac 2017. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari sehingga 11 Mac 2017, mendapati keputusan ujian bagi 403 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Aktiviti pencegahan Demam Denggi, Zika dan Chikungunya melalui pengurangan tempat pembiakan Aedes hendaklah dilakukan setiap minggu. Aktiviti gotong royong perlu dijadikan agenda utama bagi semua persatuan atau jawatankuasa penduduk terutama di kawasan bermasalah Demam Denggi. Persekitaran yang kotor boleh mengundang

pelbagai penyakit. Oleh itu, masyarakat perlu menghindarkan diri dari membuang sampah merata-rata kerana ia boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes apabila ada takungan air di dalamnya. Tanpa kerjasama masyarakat, penularan penyakit bawaan Aedes ini adalah sukar dikawal.

Shahnez
Top
DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

20 MAC 2017

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2017
(5 Mac hingga 11 Mac 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2016	
		Minggu 10 (5 Mac – 11 Mac 2017)		Minggu 09 (25 Feb – 4 Mac 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	3	0	41	0	64	0
2	Kedah	35	0	26	0	278	1	219	1
3	P. Pinang	32	0	43	0	399	4	1,385	9
4	Perak	210	0	206	0	1,639	5	1,214	2
5	Selangor	1,002	1	1030	2	9,719	11	15,700	25
6	WP KL & Putrajaya	181	0	144	0	1,502	9	2,037	2
7	N. Sembilan	63	1	66	0	685	6	823	9
8	Melaka	41	0	31	0	421	0	658	1
9	Johor	143	0	130	0	1,312	4	4,484	6
10	Pahang	51	0	30	0	493	0	799	4
11	Terengganu	5	0	9	0	71	0	1,245	11
12	Kelantan	94	0	88	0	948	1	641	1
13	Sarawak	30	0	23	0	361	1	492	3
14	Sabah	31	1	54	0	446	3	915	1
15	WP Labuan	1	0	2	0	3	0	2	0
	MALAYSIA	1,920	3	1,885	2	18,318	45	30,678	75

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 10/2017 (5 Mac hingga 11 Mac 2017)

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Kumulatif Kes	Tempoh Masa Wabak (hari)
1	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	116	221
2	Selangor	Gombak	Tmn Melawati (F)	44	137
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	82	121
4	Selangor	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	36	109
5	Selangor	Gombak	Kg Klang Gate	19	102
6	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	20	94
7	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	18	86
8	Selangor	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	20	79
9	Selangor	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	17	77
10	Selangor	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	37	74
11	Selangor	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	21	74
12	Selangor	Petaling	Seksyen 24 (Flat J : Blok 79 - 84)	15	72
13	Perak	Kinta	Tmn Shatin	25	69
14	Selangor	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	24	66
15	Selangor	Petaling	Seksyen 17 (Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10)	26	66
16	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	44	65
17	Selangor	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	27	64
18	Selangor	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	27	64

19	Selangor	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	18	62
20	Selangor	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	26	62
21	Perak	Kinta	Kg Baru Buntong	20	61
22	Perak	Kinta	Kg Bercham	14	61
23	Selangor	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	22	61
24	Perak	Kinta	Tmn Sri Tanjung	41	60
25	Selangor	Hulu Langat	Taman Cheras Permata 1 Batu 9 Cheras	11	60
26	Perak	Kinta	Tmn Intan	19	60
27	Wilayah Persekutuan	Cheras	Apartment Lumayan, Bdr Sri Permaisuri	17	59
28	Selangor	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	23	58
29	Selangor	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/2-1/9)	17	56
30	Selangor	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	15	56
31	Wilayah Persekutuan	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	14	55
32	Selangor	Gombak	Tmn Greenwood	14	54
33	Selangor	Hulu Langat	Flat 610 Pandan Indah	18	54
34	Selangor	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	17	53
35	Wilayah Persekutuan	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	12	53
36	Selangor	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	25	53
37	Johor	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	12	51
38	Selangor	Gombak	Selayang Baru Zon 12	11	50
39	Selangor	Hulu Langat	Jalan 8/31-32 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	22	49
40	Negeri Sembilan	Seremban	Taman Semarak Fasa 2	10	48
41	Selangor	Petaling	BI Pju 9 Sd 7	9	48

42	Selangor	Sepang	Apt Kekwa	20	48
43	Perak	Kinta	Tmn Maju Rapat	8	47
44	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunsfeld Riverview)	16	46
45	Perak	Kinta	Tmn Chepor Jaya	7	46
46	Selangor	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	16	46
47	Perak	Kinta	Kg Tersusun Sentang	9	46
48	Perak	Kinta	Kg Baru Kuala Kuang	9	46
49	Selangor	Hulu Langat	Appt Sri Ria Taman Sepakat Indah	7	45
50	Selangor	Hulu Langat	Jalan 1&3 Taman Sri Jelok	15	44
51	Selangor	Hulu Langat	Kyk Heights Seri Kembangan	17	44
52	Selangor	Gombak	Tanah Gantian Sg Tua	8	43
53	Negeri sembilan	Seremban	Tmn Satria	8	43
54	Negeri sembilan	Seremban	Taman Rasah Jaya Fasa 2	8	41
55	Selangor	Gombak	Au4 Tmn Keramat	7	41
56	Selangor	Hulu Langat	Appt Permai Court Taman Dato Ahmad Razali	7	40
57	Selangor	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Kajang Prima	17	40
58	Selangor	Petaling	Tmn Sri Serdang 4 (Jln 18/47-18/58)	11	40
59	Selangor	Hulu Langat	Jalan 2,4,6&8 Taman Sri Jelok	7	39
60	Selangor	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	19	37
61	Selangor	Hulu Langat	Appt Seksyen 2 Bandar Mahkota Cheras	7	37
62	Perak	Kinta	Tmn Cempaka	34	36
63	Johor	Johor Bharu	Lima Kedai_Flat Lima Kedai	10	36
64	Selangor	Kuala Langat	Jalan Sp7, Bsp	8	35

65	Wilayah Persekutuan	Cheras	Flat Sri Kota	11	35
66	Selangor	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	7	35
67	Selangor	Hulu Langat	Jalan Delima 1-6 Taman Delima	7	35
68	Perak	Kinta	Tmn Ipoh Jaya	17	35
69	Selangor	Hulu Langat	Jalan 5-8 Ampang Jaya	10	34
70	Selangor	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	10	33
71	Wilayah Persekutuan	Cheras	Appt Lestari	4	33
72	Selangor	Petaling	Seksyen 28 (Teres C : Jln 28/21a - 28/30)	4	33
73	Selangor	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11	8	33
74	Selangor	Petaling	Tm Pjs 2b Flat Desa Mentari (Blok 9, 10)	10	33
75	Selangor	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1, 2, 3	6	32
76	Selangor	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Putra Permai Selesa Appt)	8	32
77	Selangor	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy B : Blok 3 - 8)	7	32
78	Selangor	Gombak	Appt Jelutong Selayang Height	8	32
79	Selangor	Hulu Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	12	32
80	Selangor	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	7	32
81	Johor	Johor Bharu	Tmn Sutera_Sutera Kuning	9	32
82	Perak	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	10	31
83	Selangor	Klang	Kg Delek Baru (Lot 11691)	16	31
84	Selangor	Hulu Langat	Jalan 3/2a-M Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	8	31
85	Selangor	Hulu Langat	Appt Taman Cahaya	10	31
86	Selangor	Petaling	Bdr Puteri 10 (Sri Dahlia Apt)	4	31
87	Kelantan	Kota Bharu	Pondok Terusan	27	31

88	Selangor	Hulu Langat	Jalan 1/2 Taman Prima Saujana	7	31
89	Selangor	Hulu Langat	Pangsapuri Perdana Impian Kajang Perdana	5	31